

SUKIPT 2022

KINI KEMBALI



Atlet pecah rekod kebangsaan dapat RM20,000

Oleh Ihsan Noorzali
am@hmetro.com.my

Tanjung Malim

Selepas penganjurannya tertangguh pada 2020 akibat pandemik Covid-19, Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (Sukipt) 2022 kembali dianjurkan bagi melahirkan persaingan kompetitif dan memberi ruang kepada penuntut institut pengajian tinggi (IPT) bergiat aktif dalam sukan.

Lebih 6,000 atlet dan 70 kontinjen bersaing dalam 21 acara yang dipertandingkan pada kejohanan bermula 12 hingga 21 Ogos di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi) di sini.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, sempena penganjuran sukan itu, kementeriaannya berseutu memberi insentif RM20,000 kepada atlet yang berjaya memecahkan rekod kebangsaan.

Beliau berkata, olahragawan dan olahragawati Sukipt juga bakal menerima imbuhan RM3,000, selain pemberian RM7,000 kepada Pasukan Lelaki Terbaik dan Wanita Sukipt serta ganja-



NORAINI ketika sesi bergambar pada majlis pelancaran Sukan Institusi Pengajian Tinggi. FOTO Bernama

ran RM1,000 untuk pemain golf berjaya Hole in One.

"Kementerian Pengajian Tinggi amat komited dengan usaha untuk meningkatkan mutu sukan negara melalui penganjuran acara sukan berskala tinggi, bertaraf kebangsaan dan antarabangsa bagi mengekalkan momentum kecemerlangan di peringkat tertinggi termasuk Sukan Universiti

Asean, Sukan Universiti Dunia, Sukan Sea dan Sukan Komanwel.

"Baru-baru ini amat membanggakan apabila 83 pingat atau 47.7 peratus daripada 174 pingat yang dimenangi kontinjen Sukan Sea Malaysia di Hanoi, Vietnam datangnya daripada atlet IPT," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Sukipt 2022 di

sini, semalam.

Selain Upsi yang dipilih menjadi tuan rumah Sukipt kali ini, sukan itu pernah dihoskan Universiti Putra Malaysia (2012), Universiti Teknologi Mara (2014), Universiti Teknologi Malaysia (2016) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (2018).

Sementara itu, Naib Canselor Upsi Prof Datuk Dr Md

Amin Md Taff berkata, Upsi berupaya mengendalikan Sukipt 2022 kerana universiti itu memiliki pelbagai kemudahan sukan yang bertaraf antarabangsa.

"Dengan segala kemudahan yang ada, Upsi sudah bersedia menerima menerima ribuan atlet untuk berkampung dan berjuang merebut pingat yang menjadi rebutan," katanya.